

Persoalan Sejarah dan Sastra dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*

LIANG LIJI

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan aspek sejarah Melaka dalam buku Sejarah Melayu di mana hubungan Melaka dan China menjadi perkara yang dianggap utama. Hubungan Melaka dan China di zaman kegemilangan Melaka merupakan satu fakta sejarah, namun ia mempunyai ciri-ciri tokoh tambah oleh penulisnya bertujuan meletakkan Melaka sama tarafnya dengan kerajaan China. Namun apabila watak Hang Tuah digambarkan, beliau dianggap sebagai manusia biasa yang mempunyai kekuatan dan kelemahannya. Di dalam Hikayat Hang Tuah, di atas sifatnya buku ini sebagai karya sastra, Hang Tuah dimuliakan secara berlebih-lebihan sehingga tidak berpijak di alam realiti. Namun, Hikayat Hang Tuah dapat memenuhi fungsinya sebagai sebuah karya sastra dan melahirkan watak wira untuk bangsa Melayu di dalam menghadapi dan memenuhi cita-cita nasional.

ABSTRACT

This article discusses the historical aspect in Sejarah Melayu whereby the relationships between Melaka and China is regarded of prime importance. This Melaka-China relationship is a historical fact although the writer of Sejarah Melayu seems to exaggerate the superiority of Melaka so as to put Melaka on equal status with China. However, in describing the character of Hang Tuah, the hero is portrayed in an objective manner having his strength as well as weakness as a human being. However in the Hikayat Hang Tuah which is a literary product, the character of Hang Tuah is over-played as if he is a superhuman detached from the real life. This notwithstanding, the Hikayat Hang Tuah does fulfil its function as a literary work to project the image of a Malay hero useful for the Malays in facing the present challenges in their national aspirations.

Sudah diketahui umum bahawa tema sejarah adalah salah satu tema yang cukup banyak digarap dalam kesusasteraan. Sastra sejarah kadang-kadang memiliki nilai rangkap, iaitu nilai sastra dan nilai sejarah. Bagaimanapun, kesusasteraan dan ilmu sejarah adalah disiplin yang berbeza dalam arena ilmu kemanusiaan, maka pendekatannya pun

seharusnya berbeza pula. Pendekatan sejarah mengutamakan kebenaran objektif dengan berdasarkan data-data sejarah yang otentik, sedangkan pendekatan sastera lebih mengutamakan kekreatifan subjektif dengan berdasarkan unsur-unsur estetik. Maka karya sejarah seharusnya merupakan ulasan objektif tentang kejadian-kejadian sejarah termasuk wira-wiranya tanpa dibumbui atau dibungai oleh imaginasi si penulisnya, sehingga apa yang tercatat di dalamnya boleh dipercayai dan diandaikan.

Tetapi karya sastera sejarah tidaklah harus demikian, si penulis boleh sahaja secara bebas leluasa memanfaatkan data-data sejarah, malah boleh menciptakan sendiri "data-data sejarah" itu dengan kemampuan daya imajinasinya untuk keperluan karyanya. Tidak layak kalau menuntut kejadian dan wira yang diceritakan dalam karya sastera sejarah mesti dapat seperti yang pernah sungguh-sungguh ada dalam sejarah. Dan akan keliru pula kalau kejadian dan wira yang diceritakan dalam karya sastera sejarah itu dijadikan andaian sebagai data sejarah dalam pendekatan sejarah. Sering terjadi pembancuhan atas kejadian dan wira yang dikemukakan dalam karya sastera sejarah dan karya sejarah. Dalam karya sastera sejarah, wira sejarahnya sudah menjadi wira sastera, ertinya sudah diolah dan diciptakan semula oleh si penulisnya sehingga boleh sahaja menjadi satu watak baru yang bersifat fiksi dan kejadian-kejadian yang kontekstual terutama ditujukan untuk menunjang penciptaan watak baru itu.

Fenomena seperti yang disinggung di atas sering terdapat dalam sastera klasik China. Misalnya, wira sejarah termasyhur yang bernama Caocao pada zaman Samkok (zaman Tiga Kerajaan, 220-280 M.) Kalau menurut catatan tarikh China, beliau adalah seorang ahli politik dan pemimpin tentera yang bijaksana, juga adalah seorang sasterawan yang unggul, tetapi kalau menurut apa yang disifatkan dalam karya sastera sejarah Samyok (Hikayat Tiga Kerajaan), beliau tidak lebih dan tidak kurang adalah seorang tokoh negatif yang berwatak jahat, curang dan bengis. Boleh dikatakan amat berlainan watak dan tabiat Caocac yang muncul sebagai wira sejarah dengan yang muncul sebagai wira sastera. Dan yang tidak adil bagi wira sejarah Caocao ini ialah bahawa watak dan tabiatnya yang lebih popular dikenal orang awam adalah watak dan tabiat yang disifatkan dalam Samyok sebagai wira sastera, sehingga berabad-abad wira sejarah yang termasyhur ini menanggung nama buruk dan sangat dibenci orang. Hanya selepas memasuki zaman moden, ada sasterawan yang kenamaan seperti Guo Mojo meng-anggap mustahak untuk merehabilitasi nama baik Caocao sebagai wira sejarah yang sebagaimana adanya dengan menciptakan karya sastera sejarah yang baru. Begitulah sering terjadi kerancuan dan ketempangan bila menyamakan wira sejarah dengan wira sastera, atau menilai jasa-dosa wira sejarah berdasarkan apa yang disifatkan dalam karya sastera sejarah.

Sungguhpun sastera sejarah bukan sejarah, namun ini tidak bererti bahawa sastera sejarah sama sekali tidak mempunyai nilai sejarah. Karya sastera yang bertemakan sejarah mestinya tidak boleh lepas dari realiti dan situasi sejarahnya secara keseluruhan, secara langsung atau tidak dia mesti mencerminkan hakikat sejarah dari sudut seni, kalau tidak ia bukan karya sastera sejarah, tetapi dongeng tentang negeri antah-berantah. Memang betul kita membaca karya sastera sejarah terutama untuk apresiasi seni bukan untuk menemukan data-data sejarah atau menambah pengetahuan sejarah seperti yang diperoleh dari karya-karya sejarah, namun menerusi apresiasi seni itu, kita pun ingin menghayati denyut nadi sejarah, sebab karya sastera sejarah yang bermutu tentu boleh memantulkan denyutan yang lahir dari hakikat sejarah. Bertolak dari pengertian inilah saya ingin membincangkan sepintas lalu beberapa tanggapan saya tentang masalah sejarah dalam karya sastera sejarah Melayu yang terpenting, iaitu *Sejarah Melayu* (SM) Hikayat Hang Tuah (HHT).

Dalam sastera klasik Melayu SM adalah karya sastera sejarah yang paling kerap dikaji dan paling dihargai oleh para sarjana dalam dan luar negeri kerana sangat tinggi nilai sastera dan nilai sejarahnya. Ditinjau dari nilai sasteranya, SM telah berjaya memampangkan satu gambaran sejarah yang hidup dan menyeluruh tentang jatuh bangunnya kerajaan-kerajaan Melayu dengan mendedahkan peristiwa-peristiwa yang menentukan dan mewujudkan watak-watak yang mengesankan. Meskipun peristiwa dan watak yang ditampilkan itu banyak yang boleh diragukan kebenarannya kalau dinilai dari ilmu sejarah, namun saya tidak merasa ganjil atau absurd ketika membacanya kerana pada dasarnya tidak terlalu menyimpang dari hakikat sejarahnya. Sebagai karya sastera, peristiwa dan watak yang nampaknya khayal, rekaan dan kadang-kadang malah mengasyikkan dan mempesonakan, lebih-lebih yang ditimba daripada cerita rakyat atau legenda, misalnya cerita ikan todak menyerang Singapura yang tercatat dalam "Alkisah Cerita Yang Kesepuluh" dan cerita wira "Badang" minta gagah (kekuatan) daripada minta kaya (harta benda) yang tercatat dalam "Alkisah Cerita Yang Keenam". Kebanyakan dan kefikiran itu tidak akan mengurangi nilai SM sebagai karya sastera.

Dalam rencana ini, saya akan lebih banyak membincangkan nilai sejarah SM sebagai karya sastera sejarah dan menyorot pada satu dua masalah sejarah yang saya anggap cukup reprisentatif. Memang tidak ada karya sastera sejarah yang lain dalam sastera klasik Melayu yang dapat menandingi SM dalam mengungkapkan suatu proses sejarah yang menyeluruh tentang kelahiran, kejayaan dan kemusnahan kerajaan-kerajaan Melayu. Apa yang menginspirasi si penulis untuk mengarang karya semacam ini, sudah diisytiharkan dengan jelas dalam kata pendahuluan-nya, iaitu si penulis dititahkan oleh Yang Maha Mulia untuk menuliskan,

Peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faidahlah daripadanya.

Jadi jelaslah bahawa si penulis mempunyai satu tujuan yang tegas waktu mengarang SM ini, iaitu agar anak cucu bangsa Melayu yang datang kemudian tidak melupakan sejarah nenek moyangnya.

Maka segala peristiwa dan watak yang ditampilkan dan dilukiskan dalam SM ini oleh si penulis tentu dianggap yang penting untuk diketahui dan diingatkan kepada generasi mendatang, tidak mesti yang sungguh-sungguh telah terjadi dalam sejarah. Dalam SM banyak masalah sejarah yang patut dikaji, tapi di sini saya hanya akan membincangkan dua masalah yang saya anggap mengandungi makna yang dalam: satu masalah yang menyangkut urusan luar negara, iaitu hubungan kerajaan Melayu dengan kerajaan China; satu lagi masalah yang menyangkut urusan dalam negeri, iaitu sebab-musabab yang mengakibatkan musnahnya kerajaan Melaka.

Sepanjang pengetahuan saya, dalam sastera klasik Melayu mungkin SMlah yang paling awal dan paling banyak mengisahkan masalah hubungan kerajaan Melayu dengan kerajaan China. Daripada yang dikisahkan dalam SM itu dapat kita ketahui bahawa semenjak zaman purbakala, antara kedua kerajaan ini sudah terjalin persahabatan yang intim sekali. Kalau disiasat dari kitab tarikh China, maka semenjak zaman Dinasti Han (206 S.M. – 220 M.) sudah ada catatan-catatan yang menuturkan keadaan hubungan China dengan Alam Melayu. Jadi tidak diragukan bahawa sebelum Masehi nenek moyang kedua bangsa ini sudah saling mengenal antara satu sama lainnya. Ini secara khas telah tercermin pula pada bahagian permulaan SM, iaitu "Alkisah Cerita Yang Kesatu," yang mengisahkan asal mula salasilah raja-raja Melayu.

Menurut kisah daripada bab tersebut, konon Raja Suran di Hindu yang berasal daripada keturunan Raja Iskandar Dzu'l-Karnain adalah datuk neneknya raja-raja Melayu. Maka mulai daripada raja inilah dikisahkan mula hubungan antara datuk nenek raja Melayu dengan raja China. Dikisahkan bahawa Raja Suran itu adalah raja yang paling berkuasa di Hindustan, "Segala raja-raja dari masyrik lalu ke maghrib sekaliannya takluk kepada baginda, melainkan benua China." Tat kala raja Suran dengan bala tenteranya yang tak tepermanai itu sampai di Tumasik, raja China merasa gawat dan segera berunding dengan para menteri untuk mencari jalan menolak bala itu.

Dan akhirnya jalan yang dipilih bukanlah jalan perang yang akan mengakibatkan penumpahan darah daripada kedua belah pihak, tetapi jalan damai dengan menggunakan kearifan dan siasat yang sangat bijaksana sehingga raja Suran mengurungkan sendiri niatnya untuk menyerang benua China itu. Saya berandaian bahawa ini tak lain dari

kisah rekaan belaka, tetapi sesuai dengan hakikat sejarah. Memang dalam sejarah hubungan China-India tak pernah terjadi peperangan, kisah ini rupanya lebih bersifat simbolik dan si penulis rupanya insaf pula akan kenyataan sejarah itu.

Kemudian dalam "Alkisah Cerita Yang Kedua," iaitu kisah yang khusus menceritakan raja Melayu yang pertama Suparba, masalah hubungan dengan China mendapat tempat yang penting lagi. Dikisahkan bahawa selepas Suparba mendirikan kerajaan Melayu yang pertama, raja China segera mengirimi utusan muhibah untuk meminang anakanda baginda dan pinangan itu diterima dengan segala senang hati kerana raja Melayu yang pertama itu menganggap bahawa di dalam alam ini tidak ada "Negeri besar lebih daripada benua China" dan perkahwinan itu akan mempereratkan hubungan kedua kerajaan, "Supaya bersambutlah raja Melayu dengan raja China.

Dan raja China pun sangat memandang berat atas perkahwinannya dengan puteri raja Melayu yang pertama itu, demikian dikisahnya:

Maka terlalu suka hati raja China oleh beroleh puteri anak raja dari bukit Siguntang itu, maka disambut baginda dengan sepenuhnya kebesaran dan kemuliaan, lalu diperisteri baginda; beranak bercuculah baginda dengan tuan puteri itu. Daripada anak cucu baginda jadi raja China turun-temurun datang sekarang ini.

Saya memandang kisah ini sebagai kisah rekaan yang bersifat simbolik pula, yang menyatakan bahawa hubungan kerajaan Melayu dengan kerajaan China sejak semula sudah begitu akrab dan intim kerana diikat dengan pertalian darah yang berasal daripada titisan darah Iskandar Dzu'l-Karnain. Ini rupanya lebih mempunyai erti bagi kita daripada mencari bukti-bukti kebenaran sejarahnya.

Setelah kerajaan Melaka didirikan, masalah hubungan dengan kerajaan China diulas lagi dengan lebih terperinci dalam "Alkisah Cerita Yang Kelima Belas". Sebagaimana diketahui, kerajaan Melaka adalah kerajaan Melayu yang paling besar dan paling jaya dalam sejarah Melayu. Dan Kerajaan China pada masa itu dikenal sebagai Dinasti Ming (1368 – 1644), hubungannya dengan Alam Melayu nampak kian erat dari hari ke hari. Raja China kerap mengirimi utusan ke Alam Melayu, misalnya Sampo Kong yang termasyhur itu telah berkali-kali mengunjungi Alam Melayu dengan armadanya yang besar. Dan menurut Tarikh Ming pada tahun 1403 seorang menteri yang bernama Yi Qing pernah diutus oleh raja China untuk menghadiri penabalan raja Melaka yang pertama.

Dapat diduga bahawa masalah hubungan kerajaan Melaka dengan kerajaan China tentu mendapat perhatian besar dan dalam kisah SM ini nampak si penulis berupaya hendak meningkatkan taraf raja Melaka

apabila berhubungan dengan China, dan dipandang sama tinggi dan sama besar dengan raja China. Itu dapat kita saksikan daripada dua episod yang relevan, pertama episod yang mengisahkan perihal pengutusan pertama dari kedua belah pihak. Dalam episod ini diceritakan bahawa raja China ingin bersahabat dengan raja Melaka setelah mendengar tentang kebesarannya. Maka dikirimnya seorang utusan ke Melaka dengan maksud selain menyampaikan iktikad baik dari raja China yang “hendak bersahabat dan berkasih-kasih dengan raja Melaka”, juga mendakyahkan kebesaran kerajaan China kepada Melaka.

Adapun bingkisan yang dipersembahkan kepada raja Melaka adalah jarum sepilu dan dalam surat raja China kepada raja Melaka dijelaskan seperti berikut:

Tiadalah raja di dalam alam ini yang terlebih besar daripada kita, tiada siapa pun tahu akan bilangan rakyat kita; dan daripada sebuah rumah, sebilah jarum kita pintaki, itulah jurumnya sarat sebuah pilu kita kirimkan ke Melaka.

Mendengar penjelasan itu raja Melaka pun tak mahu kalah, maka segera dikirimnya pula seorang utusan ke negeri China dengan bingkisannya sagu sepilu. Ketika ditanya raja China bagaimana cara membuat sagu itu, utusan Melaka menjawab seperti berikut:

Digelek, tuanku, pada seorang sebiji; disuruh oleh raja kami menggelek dia, sehingga sarat sebuah pilu; demikianlah peri banyak rakyat raja kami. Tiada seorang jua pun tahu akan bilangannya.

Mendengar keterangan itu, raja China pun amat kagum dan berkata dengan terharu: “Besar raja Melaka ini; banyak sungguh rakyatnya, tiada berapa bezanya dengan rakyat kita”. Demikianlah cara si penulis menyatakan sama besarnya kerajaan Melaka dengan kerajaan China.

Episod yang satu lagi mengisahkan bagaimana raja Melaka berjaya mengubah statusnya sehingga boleh duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan raja China. Diceritakan bahawa raja China itu kemudian ingin mengambil raja Melaka akan menantunya, “supaya ia berkirim sembah kepadaku” fikirnya. Dan raja Melaka pun terpaksa berkirim sembah kepada raja China sebab sudah menjadi mentua baginda. Tapi lantaran menuntut sembah daripada raja Melaka, maka raja China pun menderita sakit gatal semua tubuhnya dan sakit gatalnya itu baru boleh hilang apabila minum air basuh kaki raja Melaka. Kerana itulah raja China bersumpah: “Tiada mau disembah oleh raja Melaka datang kepada anak cucunya dengan anak cucu raja Melaka: tetapi daripada mufakat berkasih-kasih juga”.

Sudah tentu semua kisah itu khayal dan rekaan belaka kerana tidak boleh ditemukan buktinya daripada data-data sejarah yang tercatat

dalam tarikh China atau tarikh lainnya. Tetapi yang penting bagi kita bukanlah mencari bukti-bukti sejarahnya, melainkan mencari mesej yang tersirat dalam kisah itu. Saya kira mesej yang terutama ialah bahawa antara kerajaan Melaka dengan kerajaan China sudah terwujud satu hubungan persaudaraan yang sihat atas dasar persamaan darjat dan saling menghormati dan itulah kiranya yang patut diketahui dan diingatkan oleh anak cucu kedua belah pihak. Sedangkan kisah tentang raja China minum air basuh kaki raja Melaka, itu sebetulnya hanya satu manifestasi dari kefahaman feodal yang ingin mengagung-agungkan rajanya di atas segala-galanya, tak usah dipandang berat.

Dalam SM masalah hubungan dengan luar negeri mendapat perhatian yang cukup besar, selain hubungan dengan kerajaan China, hubungan dengan kerajaan-kerajaan besar lainnya seperti Majapahit, Siam, Pasai dan lain-lain juga mendapat sorotan tersendiri-sendiri. Kalau diteliti satu demi satu, kita akan merasa takjub bahawa hubungan kerajaan Melayu dengan kerajaan China sangat lain daripada yang lain. Sekurang-kurangnya tiga kali dihuraikan masalah hubungan dengan kerajaan China itu, dan setiap kalinya mewakili satu peringkat perkembangan, iaitu mulai dari datuk nenek raja Melayu, raja Melayu yang pertama, hingga kepada raja Melayu yang paling jaya di Melaka.

Dalam semua peringkat itu antara kerajaan-kerajaan Melayu dengan kerajaan China boleh dikatakan tak pernah terjadi ketegangan atau bentrokan yang gawat, apa lagi peperangan yang makan korban, semua masalah boleh diselesaikan dengan cara damai sehingga hubungan persahabatan yang akrab itu dapat terpelihara terus. Hal yang seumpama ini hampir tidak kita temukan dalam alkisah-alkisah yang menghuraikan perihal hubungan kerajaan Melayu dengan kerajaan-kerajaan besar lainnya. Tentu sahaja apa yang dikisahkan dalam SM itu belum bisa dipandang sebagai data sejarah yang sesungguhnya, tetapi setidak-tidaknya boleh dianggap sebagai satu cerminan dari hakikat sejarah dan di sinilah letak nilai sejarah SM itu.

Sekarang baiklah kita beralih kepada masalah yang menyangkut urusan dalam negeri kerajaan Melaka dan apa yang dipaparkan dalam SM nampaknya lebih realistik. Mungkin kerana kejadian-kejadiannya belum begitu lama berlalu, gambaran-gambaran yang dibentangkan di hadapan kita terasa lebih dekat kepada kenyataan kehidupan zamannya, maka lebih meyakinkan orang akan kebenarannya. Saya ambil satu contoh yang dapat memperlihatkan kerealistikan itu. Si penulis melukiskan rasa hairan orang Melaka ketika pertama kali berhadapan dengan orang Portugis dan meriamnya. Orang-orang Portugis itu dianggap sebagai "Benggali putih",

Maka pada seorang-seorang Feringgi itu berpuluh-puluh orang Melaka mengerumuni dia: ada yang memutar janggut, ada yang menepuk kepala, ada

yang mengambil cepiaunya, ada yang memegang tangannya.

Begitu juga realistiknya ketika melukiskan rasa hairan orang Melaka untuk pertama kali menghadapi meriam orang Barat.

Maka segala orang Melaka pun terkejut mendengar bunyi meriam itu, katanya: "Apa bunyi itu seperti guruh?" Maka perluru meriam itu pun datang mengenai segala orang Melaka, ada yang putus lehernya, ada yang putus pinggangnya, ada yang putus pahanya, ada yang pecah kepalanya; makin bertambah-tambah hairanlah orang Melaka melihat peluru bedil itu, katanya: Apa nama senjata bulat-bulat ini? Mana tajamnya, maka ia membunuh ini?

Kerealistikan SM dalam alkisah-alkisah yang terakhir memang sangat menarik, tetapi bagi saya yang lebih menarik adalah kerealistikannya dalam mendedahkan hakikat sejarah dari kemusnahan kerajaan Melaka sesuai dengan hukum sebab akibatnya. Dalam hubungan ini, SM boleh dikatakan telah berjaya mengungkapkan sebab luaran dan sebab dalaman yang mengakibatkan musnahnya kerajaan Melaka.

Ditinjau dari sebab luarnya, kerajaan Melaka memang dimusnahkan oleh pencerobohan orang Portugis, tapi tanpa adanya sebab dalaman pencerobohan orang Portugis itu takkan mudah berhasil. Serangan orang Portugis yang pertama kali ternyata boleh dipatahkan, kerana ketika itu kerajaan Melaka masih kompak berpadu di bawah pimpinan Bendahara Seri Maharaja. Itu disedari betul oleh orang Portugis, maka kata mereka: "Jikalau ada lagi Bendahara Seri Maharaja: biarpun besar angkatan menyerang Melaka, tiada akan alah". Dalam SM sebab luar itu tidak banyak disorot, kerana yang lebih menentukan adalah sebab dalaman, dan si penulisnya yang pernah memangku jawatan Bendahara juga lebih tahu akan selok-belok dalam kerajaan. Maka sebab dalaman yang didedahkan oleh si penulis sangat mengenai masalahnya.

Berbicara tentang sebab dalaman ada tiga faktor yang memainkan peranan utama, iaitu raja yang tidak adil, rasuah yang merajalela dan konflik yang meruncing. Ketiga faktor itu saling berkaitan dan pengaruh-mempengaruhi, si penulis berjaya menjalinkannya ke dalam serentetan peristiwa yang dramatik. Mula-mula diceritakan bahawa raja Melaka Sultan Mahmud Syah itu menaruh dendam pada Bendahara Seri Maharaja kerana puterinya yang cantik Tun Fatimah tidak ditunjukkan kepada baginda. Kemudian antara Bendahara Seri Maharaja dengan Laksamana Khoja Hassan terjadi konflik yang disebabkan perbuatan rasuah. Adapun bendahara telah menerima suap dari Syahbandar Raja Mendeliar yang sedang berdakwa dengan penghulu, maka ia pun segera mencari deking pada laksamana dengan jalan menyuap pula. Penghulu itu memfitnah bendahara bahawa "Sudah ia berbuat takhta kerajaan, menempa ciri emas dan kaus emas, kasadnya hendak naik raja di dalam negeri Melaka ini".

Ketika fitnahan itu dipersembahkan laksamana kepada raja Melaka, maka Sultan Mahmud Syah pun merasa seperti orang mengantuk disorong bantal, segera menyuruh bunuh Bendahara Seri Maharaja beserta hampir segenap anggota keluarganya dan Tun Fatimah dirampas dari suaminya. Tidak lama kemudian, ketika disedari baginda bahawa tuduhan terhadap bendahara itu tiada sungguh, maka Laksamana Khoja Hassan pun disuruh baginda rampas. Demikianlah dua tiang kerajaan sama-sama binasa akibat rasuah, konflik dan ketidakadilan raja. Kerana sudah tidak ada orang yang berkemampuan lagi, maka untuk pengganti bendahara yang diangkat adalah Paduka Tuan yang sudah tua bangka. "Giginya pun habis, kaki pun sudah tepok, duduk di muka pintu, di sana duduk, di sana tidur, di sana makan, di sana berak, di sana kencing".

Seorang tua yang sudah begitu uzur mana sanggup memangku negeri, tambahan lagi anakanda baginda sultan Ahmad yang menggantikan baginda, "Tiada kasih akan segala hulubalang dan orang-orang besar, yang dikasihi baginda hanya dua tiga belas orang muda-muda dan dua tiga puluh hamba yang menjadi teman baginda bermain bergurau jenaka".

Demikianlah rapuh dan parahnya kerajaan Melaka ketika orang Portugis melancarkan serangannya kedua kali. Dan kali ini kerajaan Melaka pasti kalah dan musnah kerana sudah tidak ada kemampuan untuk bertahan. Dengan adanya sebab dalaman itu, sebab luaran baru boleh memainkan peranan, itulah hakikat sejarah dan itu pula yang patut dijadikan pelajaran sejarah untuk diketahui dan diingatkan oleh anak cucu turun-temurun, agar beroleh faedah daripadanya. Dalam pengertian ini, nilai sejarah dari SM itu boleh dikatakan jauh lebih besar daripada hanya sekadar memberi bahan-bahan untuk pengajian sejarah.

Dalam SM muncul banyak wira sejarah dan di antaranya yang palingdiagungkan adalah Hang Tuah, sehingga kemudian digubah lagi sebuah hikayat yang merupakan "biografi"nya, iaitu *Hikayat Hang Tuah*. Di bahagian awal secara ringkas sudah saya singgung masalah wira sejarah dan wira sastera, sekarang baiklah kita bahas lagi masalah ketokohan Hang Tuah ini. Saya tidak memiliki bahan sejarah yang dapat memberi keterangan tentang Hang Tuah sebagai wira sejarah. Itu agaknya tidak terlalu penting bagi saya kerana saya tidak bermaksud untuk melakukan pendekatan sejarah. Saya hanya akan mengadakan pendekatan sastera dengan SM dan HHT sebagai bahan bukunya.

Kalau diperbandingkan, saya kira tokoh Hang Tuah yang muncul dalam SM mungkin lebih dekat kepada Hang Tuah sebagai wira sejarah, sebab ia selain tampil sebagai wira yang luar biasa, juga tampil sebagai manusia biasa yang tak luput dari cacat dan kelemahannya. Betul watak keperwiraannya patut dikagumi, tetapi sesewaktu juga menjadi kecut dan dengki. Misalnya ketika perang dengan orang Pasai, Hang Tuah pernah menganjurkan mundur kerana kecut menghadapi musuh yang

terlalu banyak. Dan Hang Tuah pun pernah “berdatang sembah ber-jahat bendahara”, sehingga Sultan Mansur Syah “makin sangat, murka terhadap bendahara”, tapi sebaliknya bendahara tidak menaruh dendam terhadap Hang Tuah, malah memuji-muji Hang Tuah di hadapan sultan, sehingga Hang Tuah merasa malu dan datang meniarap pada kaki bendahara untuk minta maaf. Khabarnya konon tujuh kali Hang Tuah menyembah meniarap di kaki datuk bendahara.

Begitu juga sewaktu bertikam-tikaman dengan Hang Kasturi, Hang Tuah tidak berlaku sebagai kesateria. Maka Hang Kasturi pun memandang rendah dan menggugatnya dengan masyghul:

Demikianlah laki-laki menikam orang mencuri dan mengubah waadnya? Engkau dua kali lekat kerismu, kusuruh tanggalkan juga: aku sekali lekat kerisku, engkau tikam.

Hang Tuah akhirnya meninggal dunia sebagaimana manusia biasa bila ajalnya sudah tiba. Maka jelaslah bahawa wira Hang Tuah dalam SM itu bukan insanul kamil, dan penulisnya pun tidak bermaksud untuk menutup-nutupi cacat kelemahannya sebagai manusia biasa, kerana itu tidak akan mengurangi pamur Hang Tuah sebagai wira kebangsaan yang paling setia, arif dan gagah berani. Hang Tuah tetap dipandang sebagai hulubalang yang paling berjaya dan berjasa kepada kerajaan Melaka.

Tetapi Hang Tuah dalam HHT sudah berubah menjadi manusia yang sesempurna, segala cacat kelemahannya sebagai manusia biasa yang dilukiskan dalam SM sudah dihilangkan. Dan untuk mengangkat Hang Tuah supaya menjadi wira kebangsaan yang paling agung dan sempurna, maka jasa-jasa orang lain yang dikisahkan dalam SM kemudian dijadikan jasa Hang Tuah pula dalam HHT. Citra Hang Tuah dalam HHT jauh lebih cemerlang, tetapi juga lebih jauh daripada wira sejarah kalau dinilai dari pendekatan sejarah. Maka untuk memberi penilaian yang lebih tepat sebaiknya kita susuri pendekatan sastera. HHT bukan sebuah karya sejarah, tetapi sebuah karya sastera sejarah yang saya anggap lebih bersifat legendaris. Lahirnya HHT untuk memenuhi satu keperluan zaman yang penuh cabaran. Bangsa Melayu perlu dibangkitkan semula semangat kebangsaan dan keperwiraannya dalam menghadapi bahaya dijajah oleh orang Barat. Bangsa Melayu memerlukan seorang teladan wira kebangsaan yang paling setia dan gagah berani, yang dapat membela kehormatan dan kedaulatan bangsanya di kala menghadapi ancaman dari luar, dan Hang Tuahlah teladan wira kebangsaan yang dicita-citakannya itu. Hang Tuah tak lain daripada satu lambang yang menjelmakan watak dan semangat kebangsaan Melayu, daripada pengertian inilah saya setuju dengan pendapat Winstedt yang mengatakan bahasa HHT adalah “satu-satunya roman Melayu asli”.

Ditinjau dari sudut filologi atau isinya, jelaslah bahawa lahirnya HHT kemudian daripada SM, dan kisahnya pun banyak yang berpunca pada SM. Diduga bahawa HHT ditulis pada abad ke-17, seawal-awalnya selepas orang Portugis dikalahkan orang Belanda pada tahun 1641, kerana kejadian itu masih disebut dalam HHT, dan selambat-lambatnya sebelum tahun 1724, kerana pada tahun itulah HHT untuk pertama kali disebut oleh pendeta Belanda Francois Valentyn dalam *Oud En Nieuw Oost-Indien*. Walaupun tidak dapat diketahui siapa penulisnya, tetapi dilihat dari gaya bahasa dan strukturnya, yang utuh agaknya tidak terlalu salah jika dikatakan bahawa penulisnya hanya satu. Dan penulis HHT itu rupanya berpengetahuan luas dan berjiwa kebangsaan di zaman feodal. Dia ingin menciptakan satu citra wira kebangsaan yang paling tinggi dan paling ideal menurut gagasannya, maka segala watak dan sifat yang dianggap paling baik dari bangsa Melayu dipusatkan dan ditumpukan pada seorang wira itu. Demikianlah Hang Tuah yang manusia biasa dalam SM diangkatnya menjadi manusia super yang serba tahu dan serba boleh dan lagi yang tak akan mati-mati setelah hidup dua tiga ratus tahun lamanya. Maka Hang Tuah dalam HHT sebaiknya dinilai sebagai wira sastera bukan wira sejarah, dia adalah wira kebangsaan yang diciptakan secara artistik menurut idealisme bangsa Melayu pada zaman itu.

Hang Tuah dalam HHT sebagai wira sastera nampak jauh lebih berdarah, berdaging dan sifat fiksiennya jauh lebih menonjol. Dari segi perwatakan, kita lihat si penulis ingin menonjolkan tiga unsur utama yang membentuk watak Hang Tuah, iaitu kesetiaan, kearifan dan keberanian.

Kesetiaan adalah unsur yang paling utama yang hendak dijelmakan si penulis pada tokoh Hang Tuah dalam HHT. "Inilah hikayat Hang Tuah yang amat setia pada tuannya, dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya" demikian kata si penulis sebelum cerita dimulai. Menurut konvensi zaman feodal, apa yang disebut kesetiaan bagi seorang hamba raja memang tak terlepas daripada kesetiaan secara mutlak terhadap rajanya. Dan kesetiaan terhadap raja umumnya identik dengan kesetiaan terhadap negara dan bangsanya terutama di kala negara dan bangsanya sedang diancam keselamatannya oleh musuh dari luar. Raja selain berkedudukan sebagai penguasa yang tertinggi, juga sebagai lambang negara dan bangsa yang teragung, maka seorang hulubalang tak mungkin berbakti kepada negara dan bangsanya tanpa berbakti pada rajanya. Inilah yang merupakan keterbatasan sejarah daripada wira-wira kebangsaan di zaman feodal dan Hang Tuah pun tak luput daripada keterbatasan itu.

Dilihat daripada motifnya, jelas tokoh Hang Tuah dalam HHT oleh si penulis hendak dijadikan satu figur tipikal daripada hamba raja yang "amat setia pada tuannya, dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya".

Tetapi yang sesungguhnya dikagumi pembaca bukanlah itu, melainkan kesetiaan dan kebaktian seorang setianegarawan terhadap negara dan bangsanya. Dalam tanggapan orang Melayu, Hang Tuah bukanlah seorang hamba yang bermata picik tetapi seorang wira kebangsaan yang berlapang dada. Hang Tuahlah yang mempertahankan kehormatan dan martabat kerajaan Melaka daripada cabaran dan ugutan Gajah Mada yang bertubi-tubi. Hang Tuahlah yang menyemarakkan kerajaan Melaka dan bangsa Melayu di antarabangsa lewat kegiatan diplomatiknya yang berjaya. Dan Hang Tuah pulalah yang membela kedaulatan dan keselamatan kerajaan Melaka dan bangsa Melayu daripada serangan pertama orang Portugis. Sedangkan sang raja hampir-hampir tidak berperanan, malah namanya pun tidak pernah disebut-sebut.

Kesetiaan dan kebaktian Hang Tuah terhadap negara dan bangsanya itulah yang patut dipuji, tetapi juga tak dapat disangkal bahawa kesetiaan Hang Tuah itu mempunyai aspek yang memperlihatkan jiwa hamba yang hanya tahu berbakti kepada tuannya sahaja, dan aspek negatif itulah rupanya yang membuat orang memberi penilaian negatif padanya, memandangkan sebagai tokoh feodal yang mempertahankan sistem pemerintahan feodal, atau menyangkalnya sebagai seorang pahlawan. Penilaian seperti itu agaknya terlalu didasarkan pada konsep dan pandangan orang moden yang sudah mengenal asas-asas demokrasi. Padahal menurut konvensyen sejarah pada masa itu, juga menurut pandang si penulisnya, aspek yang tersebut di atas tidak dianggap sebagai sesuatu yang negatif, sebaliknya dianggap sebagai sesuatu yang positif yang dapat memperlihatkan kesetiaan Hang Tuah yang tiada berhingga.

Selain kesetiaan, kearifan dan keberanian adalah dua unsur yang tak terpisahkan dari watak Hang Tuah. Tanpa adanya kedua unsur itu, kesetiaan Hang Tuah tidak bererti apa-apa, sebab tidak mungkin dia berjasa begitu besar kalau bodoh dan kecut. Kearifan Hang Tuah bukan pembawaan, melainkan hasil daripada ketekunan belajar. Sejak kecil dia suka belajar dan berguru pada orang-orang yang sakti atau pandai sehingga dia menjadi serba tahu dan serba boleh. Sebagai hasil dari suka berguru, dia menguasai segala ilmu keperajuritan, sehingga dia tidak terkalahkan oleh siapa pun. Sebagai hasil dari suka belajar, dia memahami pelbagai bahasa dan kebudayaan negeri-negeri lain, sehinggakan dia berjaya dalam menunaikan tugasnya sebagai utusan. Dalam hal ini satu contoh yang menarik adalah kunjungannya ke benua China. Episod ini rupanya diangkat dari SM pula, dan sudah diolah lagi sehingga isinya jauh lebih kaya dan hidup. Salah satu faktor yang membuat Hang Tuah berjaya dalam pengutusannya ke benua China ialah dia pandai berbahasa China dan tahu akan segala adat istiadat China, dan semua itu adalah hasil dia belajar daripada ayah angkatnya, seorang China tua yang bermukim di Melaka. Dalam HHT pun tercermin adanya hubungan baik antara kerajaan Melaka dengan kerajaan China.

Keberanian Hang Tuah bukan keberanian yang ceroboh, tetapi keberanian yang dilandasi kesetiaan dan kearifannya, maka Hang Tuah sangat ditakuti dan disegani lawannya dan selalu lulus dari ujian-ujian yang berat. Dia tidak takut menghadapi 60 orang amuk di Majapahit. Dia tidak segan dikubur demi memenuhi keinginan rajanya yang hendak mengetahui keadaan di dalam kubur. Dia tak gentar melawan serangan armada orang Portugis yang dilengkapi senjata meriam. Keberanian Hang Tuah itu termanifestasi dalam setiap perbuatan dan perjuangannya dan dengan keberanian yang luar biasa itu sempurnalah watak Hang Tuah sebagai wira kebangsaan yang paling ideal.

Kesetiaan, kearifan dan keberanian itulah tiga unsur utama daripada watak Hang Tuah yang paling dikagumi dan dibanggakan bangsa Melayu dari abad ke abad. Di mana ada Hang Tuah, Melaka selalu jaya, itu sudah menjadi lambang dan keyakinan bagi bangsa Melayu, dan wira kebangsaan seperti Hang Tuah itulah yang selalu didambakan agar muncul semula di kala bangsa Melayu terancam kelangsungan hidupnya oleh kaum penjajah Barat. Malah sampai zaman moden pun, tokoh Hang Tuah yang diciptakan dalam HHT itu masih terus dijadikan wira kebangsaan yang dapat memberi inspirasi kepada gerakan nasional di Alam Melayu. Itulah sebabnya maka HHT sebagai karya sastra klasik Melayu bisa terus-menerus memainkan peranan sebagai salah satu punca tenaga pendorong yang dapat membangkitkan semangat kebangsaan yang berkobar-kobar. Dan di situ pulalah letak nilai sastra dan nilai sejarahnya.

Profesor dan Pengarah

Institute of Indonesian and Malay Cultural Studies

Peking University 100871

(Profesor Pelawat di ATMA di antara Julai 1994 hingga Januari 1995)